

Mahathir perjelas tugas ketua perwakilan

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini meminta 54 ketua perwakilan negara ke seluruh dunia berusaha meningkatkan kedudukan ekonomi dan politik negara terutama di peringkat antarabangsa.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Kamil Jaafar, Perdana Menteri berkata demikian kepada semua duta dan pesuruhjaya tinggi ke negara asing dalam dialog khas selama dua jam, hari ini.

"Perdana Menteri juga menjelaskan kepentingan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan panduan pembabitan negara dalam soal kemanusiaan serta alam sekitar.

"Selain itu, beliau juga menekankan fungsi yang patut dimainkan untuk membawa kesan baik kepada Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis dialog ketua-ketua perwakilan itu dengan Menteri dan pegawai kanan Kementerian Luar, petang ini.

Katanya, dalam dialog berkenaan juga dibangkitkan mengenai pembabitan negara dalam meneroka pasaran baru di Amerika Latin, Eropah dan negara yang boleh menjalinkan hubungan perdagangan dengan Malaysia.

"Mereka juga menerima pandangan Perdana Menteri mengenai Afrika Selatan serta pendirian dan langkah yang akan diambil oleh kerajaan bila dasar apartheid dihapuskan di sana.

"Bagaimanapun, semua tindakan itu akan mengambil kira soal kedudukan keahlian Malaysia dalam Jawatankuasa Menteri-menteri Luar Komanwel Mengenai Afrika Selatan (GCMFSA) dan pendirian negara terhadap dasar apartheid," katanya.

Menurutnya, Wisma Putra akan membentang syor mengenai tindakan yang patut diambil oleh Malaysia berhubung pendirian dan langkah yang perlu diambil supaya negara tidak ketinggalan apabila dasar apartheid di Afrika Selatan dihapuskan selepas sesi dialog itu tamat 24 Ogos ini.